

D317

R B557 AAB
MAHATHIR - EMAS

KANGAR, 20 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENOLAK DAKWAAN KONONNYA SIMPANAN EMAS MALAYSIA DENGAN SEBUAH SYARIKAT, DREXEL TRADING, DI AMERIKA SYARIKAT MENGALAMI KERUGIAN.

+SEMUA SIMPANAN EMAS KITA MENDATANGKAN KEUNTUNGAN. KITA TIDAK MENANGUNG SEBARANG KERUGIAN BAGI SIMPANAN (EMAS).ITU,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS BERUCAP KEPADA 10,000 PEKERJA PILIHAN RAYA DAN PENYOKONG BARISAN NASIONAL NEGERI DI SINI, BAGI MENGAKHIRI KUNJUNGAN SEHARINYA KE PERLIS HARI INI.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS DAKWAAN DAP DALAM AKHBAR +THE ROCKET+ TERBITAN PARTI ITU, YANG MELAPORKAN KONONNYA SIMPANAN EMAS BANK NEGARA SEBERAT 112,646 AUNS BERNILAI \$115 JUTA DALAM SYARIKAT ITU MENGALAMI KERUGIAN BERIKUTAN SYARIKAT INDUKNYA, DREXEL GROUP MEMOHON DIBANKRABKAN KERANA MENGHADAPI MASALAH KEWANGAN.

+THE ROCKET+ MEMETIK MENTERI KEWANGAN DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN SEBAGAI BERKATA BAHAWA PADA 29 JUN, MALAYSIA AKAN MENDAPAT BALIK WANG ITU TERMASUK KEUNTUNGAN BERIKUTAN SEWAAN EMAS OLEH BANK NEGARA DALAM SYARIKAT BERKENAAN. -- BERNAMA
2041MST 20 08 90